

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	19/3/2013

Proton mangsa penurunan cukai?

UM-19/3/2013

Oleh FAIRUS KASSIM
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 18 Mac - Proton Holdings Bhd. (Proton) merupakan mangsa utama yang akan menerima kesan penurunan dan pemansuhan cukai kenderaan yang diperkenalkan oleh kerajaan bermula tahun ini.


Penasihat Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, selain itu pelaksanaan dasar tersebut juga boleh merugikan kerajaan daripada aspek pungutan cukai.

"Pendapatan negara pasti kurang dengan cara berkenaan, melainkan perniagaan mereka mampu meningkat dengan penurunan cukai berkenaan.

"Masih terlalu awal untuk melihat kesan pelaksanaan dasar ini tetapi apa yang saya lihat Proton adalah mangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan cek bernilai RM5 juta kepada Yayasan Inisiatif Penyelidikan Kanser (Carif) oleh Petrolia Nasional Bhd. (Petronas), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, Pengurus Besar Kanan, Bahagian Hubungan Korporat Petronas, Datuk Mo-



PROTON dijangka menghadapi cabaran hebat berikutan penurunan dan pemansuhan cukai kenderaan. - AFP

hammad Medan Abdullah, Ketua Pegawai Operasi Petronas, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin, Pengurus Lembaga Pemegang Amanah Carif, Tunku Ahmad Tunku Yahya

dan Ketua Pegawai Eksekutif Carif, Prof. Teo Soo Hwang.

Ditanya adakah kerajaan mempunyai peranan untuk mengarahkan pengeluar kenderaan menu-

runkan harga kereta, beliau berkata, harga kenderaan ditentukan oleh pasaran dan juga persaingan.

"Saya yakin mereka mampu turunkan kerana kekuatan mereka

adalah dari segi jumlah pengeluaran dan jualan yang tinggi.

"Mereka dengan mudah akan memperoleh semula pelaburan yang dikeluarkan dan tidak akan rugi jika menurunkan harga kenderaan," jelasnya.

Mengulas mengenai prestasi Proton selepas hampir setahun diambil alih oleh DRB-Hicom Bhd. (DRB-Hicom), beliau berkata, proses membersih dan mengenalpasti masalah syarikat berkenaan masih berjalan.

Katanya, walaupun tidak diketahui umum, banyak penambahbaikan telah dilakukan terutamanya pada pengurusan Lotus dan kualiti kenderaan Proton.

"Sebagai contoh, Preve yang mempunyai masalah pada awal pengeluarannya kini telah bertambah baik.

"Apa yang saya tahu, kebanyakan masalah seperti mekanikal dan teknikal Preve telah diatasi ketika ini begitu juga dengan pusat jualan," ujarnya.

Sebelum ini Mahathir pernah menyuarakan kekesalan mengenai kualiti 1,000 buah Preve yang dikeluarkan semasa pelancaran dan dikatakan dilancarkan dalam keadaan belum bersedia.